



Rujukan: MITI.100-13/5/11 (18)

Tarikh: 23 Mei 2023

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Dato',

PELANTIKAN MPC SEBAGAI TEMPAT PELEPASAN PESERTA DAN 'PIT STOP' 1 : 'SPY CAMP INNOVATION IN THE LIBRARY 3.0' PERINGKAT MITI DAN AGENSI/INSTITUSI 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan mengadakan program 'Spy Camp Innovation in the Library 3.0' Peringkat MITI dan Agensi/Institusi 2023 pada **25 Julai 2023 (Selasa)** sempena dengan pembudayaan Kempen Membaca (*i-Read*) dan pembudayaan inovasi serta kreativiti dalam kalangan warga MITI, Agensi dan Institusi.

3. Bagi memastikan program tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar, Mesyuarat Penyelaras Program/Aktiviti 2023: 'Spy Camp Innovation in the Library 3.0' Peringkat MITI dan Agensi/Institusi 2023 dan Semarak Ilmu@MITI 2023, Bil. 1/2023 telah diadakan pada 12 Mei 2023 dan bersetuju melantik MPC sebagai 'pit stop' 1 dan sekaligus sebagai tempat pelepasan peserta (flag off).

4. Untuk makluman YBhg. Dato', selain MPC, terdapat tiga (3) 'pit stop' lain yang turut terlibat iaitu MIDF, MIDA dan Arkib Negara. Setiap 'pit stop' yang terpilih perlu menjalankan aktiviti yang berkaitan keilmuan (iaitu lebih kepada aktiviti berkaitan penggunaan sumber perpustakaan) dan aktiviti inovasi serta menggunakan peruntukan agensi masing-masing (**sila rujuk lampiran I**).

5. Sekiranya pihak YBhg. Dato' mempunyai sebarang pertanyaan, pegawai yang boleh dihubungi adalah **Puan Haslinda binti Kasim** di talian 03-6208 4921 atau **Puan Siti Suhana binti Adnan** di talian 03-6208 4923.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato' dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZZIB BIN HARUN)

Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

LAMPIRAN I

EMPAT (4) 'PIT STOP' TERPILIH:



- 'Pit stop' 1: MPC
- 'Pit stop' 2: MIDF (24 minit/13km dari MPC)
- 'Pit stop' 3: MIDA (13 minit/4.8km dari MIDF)
- 'Pit stop' 4 (Terakhir): ARKIB NEGARA (14 minit/6.5km dari MIDA)
- Majlis Penutup dan Jamuan: MITI

KEPERLUAN PROGRAM



BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Hadiah utama dan sijil penyertaan	MITI
2.	Jamuan makan untuk Majlis Perasmian Penutup	MITI
3.	Makan minum di 'Pit Stop' (sekiranya ada)	Agensi 'Pit Stop'
4.	Hadiah sampingan	Semua Agensi
5.	Pembaca doa	'Pit Stop' 1
6.	Juruacara Majlis	'Pit Stop' 1 dan MITI
7.	Jurufoto dan Juruvideo: - MARii; dan - Agensi terlibat	MARii (akan bergerak ke semua 'pit stop' dan MITI)

PERANAN SETIAP AGENSI/JABATAN/INSTITUSI



BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Menyediakan cabaran dan tempat bagi 'Pit Stop' dan Majlis Pelepasan Peserta ('pit stop' 1)	Agensi 'Pit Stop'
2.	Mendapatkan peserta	Semua Agensi terlibat
3.	Menyediakan hadiah utama	MITI
4.	Menyediakan hadiah sampingan	Semua Agensi MITI
5.	Menjadi urus setia dan menguruskan peserta	Semua Agensi terlibat